



1 Mac 2018
1 March 2018
P.U. (A) 65

WARTA KERAJAAN PERSEKUTUAN

*FEDERAL GOVERNMENT
GAZETTE*

PERINTAH DUTI SETEM (PENGEQUALIAN) 2018

STAMP DUTY (EXEMPTION) ORDER 2018

DISIARKAN OLEH/
PUBLISHED BY
JABATAN PEGUAM NEGARA/
ATTORNEY GENERAL'S CHAMBERS

AKTA SETEM 1949

PERINTAH DUTI SETEM (PENGEQUALIAN) 2018

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh subseksyen 80(1) Akta Setem 1949 [*Akta 378*], Menteri membuat perintah yang berikut:

Nama dan permulaan kuat kuasa

1. (1) Perintah ini bolehlah dinamakan **Perintah Duti Setem (Pengecualian) 2018**.

(2) Perintah ini mula berkuat kuasa pada 1 Mac 2018.

Pengecualian

2. (1) Nota kontrak yang disempurnakan bagi transaksi penjualan dan pembelian saham syarikat permodalan sederhana dan kecil di Bursa Malaysia Securities Berhad dikecualikan daripada duti setem.

(2) Pengecualian yang disebut dalam subperenggan (1) hendaklah terpakai bagi nota kontrak yang disempurnakan pada atau selepas 1 Mac 2018 tetapi tidak lewat daripada 28 Februari 2021.

(3) Bagi maksud perenggan ini, “syarikat permodalan sederhana dan kecil” ertinya suatu syarikat yang tersenarai di Bursa Malaysia Securities Berhad yang—

(a) mempunyai permodalan pasaran antara dua ratus juta ringgit hingga dua bilion ringgit pada 31 Disember dalam tahun kalendar sebaik sebelum tahun yang transaksi yang disebut dalam subperenggan (1) disempurnakan; dan